

# Ujaran Implisit dalam Filem Melayu Klasik Sri Mersing

Fatin Rabiha Abdul Kadir\*, Zaitul Azma Zainon Hamzah

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia..*

## Article Information

Received 21 August 2016  
Received in revised form 9  
January 2017  
Accepted 19 January 2017

## Abstrak

Filem Melayu klasik merupakan khazanah filem negara yang menyimpan pelbagai elemen budaya dan penggunaan bahasa yang indah. Filem ini padat dengan penggunaan ujaran implisit dalam setiap kata, frasa dan ayat yang digunakan. Kajian ini mempunyai dua fokus utama iaitu mengenal pasti ujaran implisit yang terdapat dalam filem Melayu klasik ‘Sri Mersing’ dan menganalisis makna ujaran yang implisit menggunakan teori Relevans. Teori ini mengandungi tiga komponen penting iaitu konteks, kesan konteks dan kos proses. Kajian analisis teks dijalankan dengan menyata dan menghuraikan pengujaran implisit yang telah dikenal pasti serta mendedahkan peranan konteks, kesan konteks dan kos proses dalam merungkai makna ujaran yang implisit dalam filem tersebut. Hasil kajian mendapati lima petikan ujaran dalam filem ‘Sri Mersing’ yang mempunyai makna implisit. Elemen implisit tersebut mendedahkan keperluan memahami ujaran yang disampaikan dengan menggunakan konteks dan kesan konteks. Dapatan kajian memperlihatkan pemahaman masyarakat terhadap penggunaan bahasa Melayu yang kaya dengan ujaran dan makna implisit. Di samping itu, kajian ini juga telah menonjolkan keindahan dan keunikan bahasa yang terdapat dalam filem Melayu tradisional terutamanya sekitar 60-an.

© 2017 Penerbit Universiti Malaysia Pahang

*Keywords:* Filem klasik; Teori Relevans; Ujaran implisit

## Implicit utterances in classic Malay film ‘Sri Mersing’

### Abstract

*Classical Malay films are one of the national treasures that hold various elements of local cultures and use of aesthetic language. These films have beautifully phrased language that was crafted with implicit utterances in every word, phrase and sentence. This study has two main aims i.e. to identify the use of implicit utterances in the classical Malay film, ‘Seri Mersing’ and to analyze the significance of the implicit utterances from the film using the Theory of Relevance. The theory has three main components which are the context, impact of context and processing cost. The data were analyzed qualitatively by stating and describing the implicit utterances and exposing the context, impact of the context and processing cost of the film. Based on the findings, there were five quotations in ‘Seri Mersing’ film that had implicit meanings. The implicit elements revealed the necessities to understand the conveyed utterances using the context and impacts of the context. The findings revealed the people’s understanding and appreciation of the use of Malay language that is rich with implicit meanings. In addition, this study highlights the beauty and uniqueness of the language found in traditional Malay films mainly during the 60s.*

*Keywords:* Classic film; Implicit utterances; Relevance Theory

---

\* Corresponding author: Tel.: +60195529165

E-mail addresses: [fatinrabiha\\_89@yahoo.com](mailto:fatinrabiha_89@yahoo.com) [Abdul Kadir, F.R.]; [zazh@upm.edu.my](mailto:zazh@upm.edu.my) [Zainon Hamzah, Z.A.];

## PENGENALAN

Filem yang ditonton bukanlah sekadar hiburan semata-mata kerana ianya mempunyai mesej tertentu yang ingin disampaikan di sebalik lakonan dan pertuturan watak-wataknya. Menurut Asiah Sarji, Faridah Ibrahim dan Mazni Buyung (1996), filem sebagai hasil karya seni mempunyai pelbagai kepentingan dan matlamat untuk dipamerkan secara tayangan di panggung-panggung wayang dan televisyen. Bermula dengan pengalihan idea yang diterjemahkan dalam bentuk bahasa bertulis, filem kemudiannya dapat ditonton dalam bentuk visual melalui persembahan atau lakonan pelakon-pelakonnya. Hatta Azad (2002) menjelaskan bahawa filem menggunakan bahasa sebagai dialog atau kata bual bagi tujuan membantu penyampaian pesan atau amanat tertentu. Sementara itu, Juliana dan Mahyuddin (2009) berpendapat bahawa filem merupakan medium untuk menstrukturkan proses pengeluaran makna dalam masyarakat. Hal ini menjelaskan bahawa bahasa yang digunakan dalam filem mempunyai kekuatan dan peranan tertentu dalam penyampaian mesej atau makna kepada penonton.

Dalam membicarakan aspek bahasa sebagai saluran mesej atau makna dalam filem, elemen nilai estetika merupakan sesuatu yang tidak dapat dipisahkan dalam mengkaji penggunaan bahasa dalam filem. Hal ini kerana filem sebagai karya seni mempunyai kaitan secara langsung dan akrab dengan bentuk akal fikir dan akal rasa mengenai keindahan, kecantikan, keseronokan dan kesempurnaan atau estetika (Mohd. Zamzuri & Jessica Ong, 2011). Oleh itu, keindahan bahasa tidak dapat ditelusuri secara literal, terutamanya penggunaan bahasa yang juga mempunyai makna implisit yang perlu ditafsir secara tersirat. Dalam konteks kajian ini, filem Melayu klasik merupakan salah satu wacana seni yang mempunyai nilai estetika dan didapati mengandungi banyak pesanan disebalik penyampaian ujaran watak-wataknya. Kepelbagaian penggunaan makna implisit yang terdapat dalam filem Melayu klasik yang kaya dengan bahasa kiasan menjadikan filem Melayu klasik sesuatu yang menarik dan mampu diterokai dengan lebih mendalam.

Tambahan pula, setiap ujaran dalam filem Melayu klasik tersimpan makna yang implisit sebagai lambang atau identiti kehalusan, kebijaksanaan dan kesantunan budi bahasa masyarakat Melayu. Sungguhpun begitu, hakikat pendedahan mengenai elemen makna dalam bahasa filem masih kurang diperhatikan dan diteliti. Hal ini kerana masyarakat lebih banyak membicarakan mengenai jalan cerita atau lakonan dalam filem dan jarang menyentuh penggunaan bahasanya (Hatta Azad, 2002). Rentetan itu, sewajarnya penerokaan aspek bahasa dalam filem terutamanya filem yang padat dengan mesej dan makna yang implisit perlu didedahkan dan dikongsi dengan masyarakat kini.

Dari segi definisinya, implisit bermaksud sesuatu yang dinyatakan secara tidak langsung atau tidak terang-terangan, tersirat (Kamus Dewan Edisi Keempat). Berdasarkan Tesaurus Linguistik Bahasa Melayu (1995), implisit bersangkutan maksud yang disampaikan oleh penutur dan difahami oleh pendengar. Maksud yang difahami oleh pendengar ialah suatu situasi yang melibatkan konteks sosial iaitu maksud sesuatu kata yang tersirat yang menggambarkan konteks ketika itu dan makna implisit hanya dapat ditafsir dengan melihat dan memahami situasi keadaan atau konteks tersebut (Alo Liliweri, 2002). Hal ini turut dinyatakan oleh Syed Nurulakla (2015) bahawa pengetahuan mengenai konteks amat penting dalam mendapatkan tafsiran makna yang tepat dalam proses memahami makna implisit. Berdasarkan definisi-definisi yang dinyatakan, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa implisit ialah sesuatu yang tersirat dan mempunyai makna disebalik sesuatu yang tersurat.

Secara khususnya, untuk mendapatkan makna implisit, pendengar memerlukan pengalaman, pengetahuan dan memahami konteks yang berlaku ketika itu. Oleh itu, bidang pragmatik adalah bidang yang paling sesuai dan berkait rapat dengan interpretasi ujaran. Menurut Zaitul Azma (2006), ilmu pragmatik penting untuk seseorang memperoleh makna implisit bagi sesuatu ujaran, di samping mengetahui hajat penutur dalam ujaran yang disampaikannya mengikut konteks. Menyedari keperluan ini, pragmatik yang ditakrifkan oleh Crystal (1985) sebagai kajian bahasa daripada sudut pandangan seseorang pengguna bahasa digunakan untuk mengetahui dan mendalami kata-kata implisit dalam konteks ujaran lakonan dalam filem di samping mampu mengelakkan interpretasi ujaran yang kabur, taksa, eliptik dan sebagainya (Zaitul Azma, 2006). Rentetan itu, penggunaan Teori Relevans yang merangkumi tiga elemen iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses merupakan medium yang signifikan dalam mendedahkan makna implisit dalam kajian ini. Menerusi penjelasan tersebut, objektif kajian ini adalah

untuk mengenal pasti ujaran implisit yang terdapat dalam filem dan menganalisis makna ujaran implisit tersebut berdasarkan Teori Relevans.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **2.1 Teori Relevans**

Teori Relevans merupakan teori dalam bidang pragmatik yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson pada 1986 dan diperkembangkan pada tahun 1995. Teori ini berkait rapat dengan kognisi kerana pencipta teori berpendapat bahawa peranan otak terlibat dalam merancang komunikasi bagi penutur dan menganalisis mesej bagi pihak pendengar (Nor Hashimah, 2007). Selain itu, Teori Relevans menekankan prinsip bahawa sesuatu ujaran seharusnya mempunyai sifat-sifat yang jelas dan nyata atau disebut ujaran yang bermanifestasi, iaitu ujaran yang mudah dan jelas dikesan oleh pendengar dan banyak bukti yang melatarinya. Justeru, perkara yang penting dalam Teori Relevans ini ialah korelevanan sesuatu ujaran dan pemahaman bahawa korelevanan sesuatu ujaran bergantung kepada kesan konteks atau kognitif dan usaha memproses maklumat. Hal ini kerana, semakin banyak kesan konteks atau kognitif yang dapat dihasilkan, semakin relevan sesuatu ujaran itu dan semakin rendah kos pemprosesan maklumat, maka semakin relevanlah ujaran tersebut (Sperber & Wilson, 1986; 1995). Rentetan itu, terdapat tiga elemen utama yang diberi penekanan dalam Teori Relevans iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses yang amat penting dalam menghujahkan makna sesuatu ujaran. Berikut merupakan penerangan mengenai ketiga-tiga konsep ini:

#### *2.1.1 Konteks*

Konteks ialah satu set andaian yang digunakan dalam menginterpretasi maklumat yang diberikan oleh penutur. Selain itu, konteks merangkumi sebarang andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar (Nor Hashimah Jalaluddin, 2007). Dalam aspek ini, konteks tidak terbatas kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran yang terdahulu yang paling hampir, malah melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu dan pemikiran penutur. Konteks dapat dijelaskan melalui tiga cara iaitu yang pertama berdasarkan ujaran terdahulu, kedua adalah melalui alam persekitaran dan ketiga melalui catatan ensiklopedia yang tersimpan dalam memori seseorang yang dirujuk apabila kata-kata itu timbul dalam ujaran (Nor Hashimah, 2007; Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2006). Misalnya, konteks yang merujuk kepada alam sekitar ialah sebarang indikator sama ada verbal atau bukan verbal yang berlaku di sekeliling yang mampu membantu dalam mentafsir makna tersirat dalam sesuatu ujaran.

#### *2.1.2 Kesan Konteks*

Seterusnya ialah kesan konteks yang merupakan andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar itu (Sperber & Wilson, 1986;1995). Kesemuanya tersimpan sebagai catatan ensiklopedia penutur dan pendengar. Hal ini berlaku apabila pendengar mendapat maklumat konteks dalam ujaran penutur lantas diproses dengan tiga cara sama ada digabungkan, dikukuhkan atau digugurkan dengan konteks sebenar suatu ujaran untuk mendapatkan kesan konteks yang tinggi (Nor Hashimah Jalaluddin, 2007; Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2006).

#### *2.1.3 Usaha Memproses*

Konsep Teori Relevans yang ketiga iaitu kos memproses atau disebut usaha memproses. Menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah (2006), kos memproses berkait rapat dengan usaha pendengar memproses maklumat, manakala Nor Hashimah Jalaluddin (2007) menjelaskan usaha memproses ialah usaha yang terlibat dalam menginterpretasikan makna ujaran. Berdasarkan definisi ini, Teori Relevans menyimpulkan

bahawa semakin rendah atau mudah usaha memproses maklumat, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran dan begitu jugalah sebaliknya.

## 2.2 Kajian Lepas Berkaitan Ujaran Implisit dan Filem

Berdasarkan kajian terdahulu, para sarjana telah melakukan penyelidikan terhadap elemen implisit dalam pelbagai aspek seperti kajian oleh Wong Shia Ho (2014; 2013) yang memberi fokus kepada ungkapan implisit dalam bahan atau teks bertulis iaitu berita Bola Sepak Piala Dunia 2014 dan teks ucapan Tunku Abdul Rahman iaitu Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Kajian pragmatik digunakan dalam menginterpretasi makna implisit dalam kedua-dua medium. Dalam konteks berita sukan, objektif kajian Wong Shia Ho (2014) ialah untuk meneroka makna implisit dalam bidang sukan melalui medium akhbar dalam talian iaitu Berita Harian Online dan Utusan Malaysia Online, manakala kajian melalui teks ucapan Tunku Abdul Rahman ialah bertujuan untuk mengungkap pemikiran Tunku Abdul Rahman melalui kata-kata yang implisit dalam perjuangannya terhadap kemerdekaan tanah air. Berdasarkan hasil analisis dan dapatan terhadap kedua-dua kajian tersebut, ungkapan implisit dilihat berkemampuan dalam menyampaikan makna secara berkesan meskipun terdapat pelbagai penggunaan ungkapan tersirat. Hal ini kerana menurut Wong Shia Ho (2014) ungkapan dalam berita sukan dan teks ucapan tersebut kaya dengan maklumat konteks. Hal ini dikukuhkan melalui kenyataan Nor Hashimah (2007) yang menjelaskan bahawa konteks memainkan peranan penting untuk membolehkan ujaran mengambil tempat dan bagi melicinkan lagi penyampaian mesej. Tambahan pula, kajian Wong Shia Ho (2013) membuktikan bahawa ujaran implisit selain mempunyai peranan sebagai penyampaian mesej, ianya menjadi usaha untuk meningkatkan semangat patriotisme di samping mampu mewujudkan keharmonian kaum yang berbilang bangsa di Malaysia.

Seterusnya, Amirah Ahmad dan Norhashimah Jalaluddin (2013) pula telah membuktikan bahawa elemen implisit dalam ungkapan berimplikatur mempunyai pengaruh dalam disiplin atau bidang ilmu perundangan. Hal ini telah dibuktikan melalui kajian yang mendedahkan kes pembunuhan seorang eksekutif pembangunan dan perniagaan yang bernama Noritta Samsudin pada Disember 2003. Amirah Ahmad dan Norhashimah Jalaluddin (2013) membuktikan bahawa peguam kes tersebut telah mengaplikasikan kenyataan atau pertanyaan yang bersifat implisit dan telah mengelirukan saksi kes tersebut. Hal ini sekaligus memberi implikasi dan mempengaruhi jawapan serta kenyataan oleh saksi dalam kes tersebut. Dalam hal ini, petuduh terlepas daripada tuduhan membunuh dan merogol mangsa, sekali gus selamat daripada hukuman. Ternyata bahawa ilmu pragmatik amat berguna difahami dan diaplikasikan dalam percabaran di mahkamah. Tambahan pula, elemen implisit yang digunakan dalam bahasa bidang perundangan dilihat amat penting dalam menentukan nasib seseorang yang tertuduh. Secara sedar atau tidak, kehebatan bahasa yang diolah dengan begitu teliti dan implisit sebenarnya mampu memberi implikasi dalam hidup seseorang.

Indirawati Zahid (2012) antara pengkaji yang tidak ketinggalan menghujahkan kaitan implisit dalam kajiannya yang berfokuskan kesantunan Melayu ke arah situasi bebas konflik. Makalah tersebut membincangkan aspek kesantunan dalam masyarakat dan fungsinya sebagai menjaga air muka. Dalam konteks implisit pula, pengkaji mengemukakan lakuan bahasa tak langsung yang digunakan untuk menyampaikan maksud tertentu. Lakuan bahasa yang tidak langsung ini dikatakan *indirectness*. Hal ini juga merupakan salah satu cara penjagaan air muka. Menurut Indirawati Zahid (2012) juga, ramai sarjana menyatakan bahawa lebih implisitnya sesuatu lakuan bahasa, maka lebih dianggap santun lakuan bahasa itu. Hal demikian ini kerana lakuan bahasa yang sedemikian selari dengan apa yang diusulkan oleh Brown dan Levinson (1978), di bawah strategi *off-record*, iaitu strategi yang digunakan apabila kesantunan sangat diutamakan dalam lakuan bahasa. Kajian Indirawati Zahid (2012) dilihat signifikan dan relevan dengan keperluan aspek kesantunan berbahasa dalam masyarakat melalui penggunaan kata-kata yang implisit. Hal ini kerana kesantunan berbahasa dalam konteks menjaga air muka seseorang mutakhir ini menunjukkan kepincangan yang membimbangkan terutamanya menerusi media sosial seperti Facebook, Youtube dan Twitter.

Selain itu, menerusi perspektif yang sama namun berbeza dalam penghujahan dan pendekatan kajian, kajian Nor Hashimah Jalaluddin (2012) menyentuh tentang implisit dalam konteks kesantunan berbahasa yang meneroka minda Melayu. Dalam kajian tersebut, tujuan utama kajian Nor Hashimah Jalaluddin

(2012) ialah untuk memperlihatkan kepada pembaca tentang unsur kesantunan dalam masyarakat Melayu dengan menggunakan data seperti peribahasa, bahasa klasik dan implikatur yang merupakan manifestasi kesopanan orang-orang Melayu. Memang tidak dapat dinafikan bahawa peribahasa Melayu ialah lambang kebijaksanaan orang Melayu memilih perkataan dalam menyampaikan maksud tertentu. Setiap perkataan, frasa dan ayat mewakili mesej tertentu yang mempunyai makna implisit. Berdasarkan kajian tersebut, analisis kajian telah merungkai persoalan sosialisasi atau seksis yang terdapat dalam peribahasa Melayu. Misalnya, peribahasa 'perigi mencari timba', 'lesung mencari alu' dan 'sambal mencari ulam' merupakan peribahasa yang menggambarkan wujudnya perbincangan mengenai wanita dan lelaki walaupun secara eksplisitnya tiada kata-kata yang memberi gambaran dunia wanita Melayu pada zaman dahulu. Dalam peribahasa ini, perkara yang ingin ditekankan ialah konsep berpasangan yang pasti dikaitkan dengan wanita dan lelaki yang secara fitrahnya dicipta untuk hidup berpasang-pasangan. Selain itu, peribahasa tersebut juga menonjolkan pandangan masyarakat Melayu terhadap situasi yang agak tidak masuk akal bagi perigi untuk mencari timba, begitu juga lesung mencari alu dan ulam mencari sambal. Hal ini menjelaskan bahawa walaupun mesej yang hendak disampaikan tersirat, namun masyarakat dapat memahaminya dan menerimanya dalam menyampaikan pemikiran mereka berhubung sesuatu situasi atau budaya dalam masyarakat.

Perbincangan selanjutnya ialah berkaitan kajian mengenai aspek bahasa dalam filem. Pengkaji I Nyoman Aditya Darma (2014) telah melakukan kajian berkaitan bahasa dalam sari kata filem. Objektif kajian tersebut ialah untuk mengenal pasti strategi penterjemahan sari kata yang terdapat dalam filem *The Magic of Belle Isle*. Dalam aspek ini, data diperolehi daripada terjemahan filem dengan teks bahasa Inggeris menjadi teks sumber, manakala bahasa Indonesia menjadi bahasa sasarannya. Berdasarkan analisis secara kualitatif dan analisis deskriptif, hasil kajian tersebut mendapati strategi penterjemahan pemindahan bahasa merupakan strategi yang kerap digunakan oleh penulis sari kata atau penterjemah sari kata. Strategi pemindahan bahasa ternyata membuatkan penonton sasaran memahami dan menghayati filem tersebut walaupun terdapat terjemahan dialog yang berubah, namun maksud dan mesej masih dikekalkan. Di sinilah peranan mendalam makna terutamanya makna yang bersifat implisit perlu dikuasai oleh seseorang penterjemah. Menurut Syed Nurulakla (2015), penterjemahan makna implisit dari satu bahasa kepada satu bahasa berkemungkinan menampilkan cabaran kepada penterjemah dalam proses penterjemahan tanpa mengubah maksud sebenar bahasa asal. Dalam konteks ini, kajian oleh I Nyoman Aditya Darma (2014) membuktikan bahawa pemilihan bahan kajian menggunakan filem sebagai medium untuk mengkaji bahasa mampu untuk diterokai dan dapat diperluas dalam aspek linguistik yang lain.

Seterusnya, Mustafa Atan (2010) mengkaji aspek bahasa dalam filem menerusi elemen implikatur iaitu aspek ketersiratan makna sesuatu ujaran dalam filem. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2007), implikatur ialah istilah yang diperkenalkan oleh Grice banyak melibatkan ketersiratan yang perlu disingkap makna keseluruhannya. Implikatur yang dikajinya menggunakan ujaran watak dalam filem P.Ramlee sebagai data kajiannya telah membuktikan bahawa pengkajian bahasa dalam konteks ilmu pragmatik amat luas dan dapat diteroka dengan pelbagai bahan kajian seperti filem. Menerusi filem P.Ramlee, beliau mengenal pasti ujaran dan makna ujaran yang mempunyai makna tersirat berdasarkan konteks tertentu. Menurut Mustafa Atan (2010), makna sebenar ujaran berimplikatur dalam filem wajar dikaji dan dianalisis secara mendalam kerana keupayaan mentafsir setiap ujaran yang diucapkan watak dapat membantu penonton dan pendengar memahami keseluruhan cerita dan mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang. Filem P.Ramlee telah berjaya dibincangkan dalam aspek implikatur iaitu cabang dalam ilmu pragmatik, dan tidak mustahil aspek kata-kata implisit dapat diterokai dalam filem Sri Mersing.

## **METODOLOGI**

### **3.1 Kaedah Kajian**

Menerusi kajian ini, kaedah yang digunakan ialah pemerhatian. Menurut Rozmi Ismail (2016), kaedah pemerhatian bermaksud teknik yang digunakan oleh penyelidik untuk memerhatikan secara sistematik dan menggunakan prosedur standard terhadap tingkah laku atau suasana yang berlaku secara semula jadi. Selanjutnya, beliau menjelaskan bahawa kaedah pemerhatian mengutamakan aspek menginterpretasi data

yang diperoleh dan menjawab persoalan yang lebih mencabar iaitu persoalan apa, mengapa dan bagaimana ia berlaku. Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian digunakan untuk melihat, mendengar dan memerhatikan elemen implisit dalam filem Sri Mersing. Selain itu, elemen implisit ini dianalisis menggunakan Teori Relevans bagi menjelaskan data kajian.

## 3.2 Bahan Kajian

Bahan kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan korpus linguistik berbentuk filem iaitu petikan dialog atau ujaran, atau perbualan yang terdapat dalam filem Sri Mersing. Filem Melayu Sri Mersing (1961) arahan Salleh Ghani mempunyai kekuatan dan keistimewaan yang tersendiri seperti dari aspek jalan ceritanya padat dengan mesej dan pengajaran, malah aspek penggunaan bahasa yang kaya dengan kata-kata yang indah dan ungkapan yang tinggi nilai penginterpretasiannya serta dialognya yang sehingga kini masih diingati seperti “Kajang Pak Malau kajang berlipat, kajang hamba mengkuang layu, dagang Pak Malau dagang bertempat, dagang hamba musafir lalu”. Dialog tersebut dilontarkan oleh Allahyarham seniman Nordin Ahmad ternyata masih segar biarpun sudah berpuluh tahun berlalu. Buktinya, setelah 50 tahun, pada tahun 2010 filem Sri Mersing dihidupkan kembali dengan pementasan teater di Istana Budaya (Metra Syaril, 2010). Berikut merupakan secara ringkas sinopsis filem Sri Mersing:

### 3.2.1 Sinopsis Filem Sri Mersing

Watak-watak utama dalam Filem ‘Sri Mersing’ antaranya ialah watak Damak. Dalam filem tersebut, watak Damak yang dilakonkan oleh Nordin Ahmad merupakan watak protagonis yang memiliki perwatakan sebagai seorang pemuda yang baik akhlagunya, rajin bekerja dan merendah diri. Damak dan keluarganya merantau untuk mencari kehidupan yang lebih baik di Mersing. Seterusnya, watak protagonis kedua ialah Sri Mersing yang dibintangi oleh Rosnani Jamil. Sri Mersing menampilkan gadis Melayu yang lemah lembut dan pemalu namun tegas sekiranya maruah dan dirinya diganggu oleh orang lelaki di kampungnya. Selanjutnya, watak Pak Malau merupakan ayah kepada Sri Mersing. Dalam konteks masyarakat di kampung tersebut, Pak Malau merupakan penduduk yang dihormati dan mempunyai kebun tanaman di Pulau Tioman, Pahang. Dalam aspek watak antagonis pula, watak Awang Sulung yang dilakonkan oleh Mahmood Junit. Awang Sulung merupakan anak kepada ketua penghulu di kampung berkenaan dan menyimpan perasaan terhadap Sri Mersing. Dalam filem tersebut, jelas perwatakan Awang Sulung sebagai seorang pemuda yang sombong, suka berkelahi dan pendendam.

Berdasarkan jalan ceritanya, filem Sri Mersing mengisahkan seorang gadis yang bernama Sri yang digelar “Sri Mersing” oleh pemuda di Mersing kerana kecantikan rupa parasnya dalam kampung tersebut. Oleh kerana kecantikan Sri Mersing dan kelunakan suaranya, pemuda-pemuda di kampung berkenaan sering terpegun dan menyimpan perasaan terhadapnya. Hal ini termasuklah anak kepada ketua kampung iaitu Awang Sulung. Sungguhpun begitu, Sri Mersing telah jatuh hati kepada Damak dan telah diketahui oleh Awang Sulung melalui Siantan. Konflik dalam filem tersebut timbul apabila terdapat satu kejadian iaitu Awang Sulung telah menculik Sri Mersing. Damak kemudiannya terpaksa berlawan dengan Awang Sulung untuk menyelamatkan Sri Mersing dari tempat penculikan. Rentetan daripada kejadian tersebut, Awang Sulung telah membuat fitnah bahawa Damaklah yang menculik Sri Mersing dan dipercayai oleh Pak Malau dan ketua kampung. Tambahan itu, Damak turut dihalau oleh Pak Malau dan orang kampung kerana dituduh membela makhluk halus atau polong.

Seterusnya, klimax penceritaan berlaku apabila Sri Mersing yang lari daripada majlis perkahwinannya dan berlakulah pergaduhan besar antara pihak Damak yang dibantu oleh orang asli dengan pihak Awang Sulung. Kesan pergaduhan dan pertumpahan darah, pihak Awang Sulung telah dikalahkan oleh orang asli dan Sri Mersing kembali ke pangkuan keluarga bersama Damak. Pada ketika itu, Pak Malau telah sedar bahawa Awang Sulung sebenarnya yang menjadi dalang di sebalik penculikkan Sri Mersing. Pak Malau telah memohon maaf dan memujuk agar Damak memaafkannya serta tidak berpindah. Sungguhpun begitu, usaha Pak Malau ternyata sia-sia apabila Damak dan keluarganya nekad ingin berpindah keluar dari Mersing. Begitulah secara ringkas sinopsis filem Melayu klasik Sri Mersing (1961) arahan Salleh Ghani.

### 3.3 Prosedur Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah menonton, memerhati dan menilai dialog atau ujaran yang terdapat dalam filem Sri Mersing secara berulang-ulang kali. Seterusnya, setelah mengenal pasti ujaran yang mempunyai elemen implisit, pengkaji menyenaraikan ujaran implisit tersebut sebagai data kajian. Setelah itu, untuk menganalisis data implisit tersebut, pengkaji membuat huraian dan hujahan tentang makna tersirat atau implisit yang terdapat dalam sesuatu petikan kata-kata berdasarkan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986; 1995).

### 3.4 Analisis Data

Penganalisan data dibuat secara kualitatif berdasarkan kepada dialog oleh watak yang dikenal pasti kata-kata implisitnya. Dalam aspek ini, penganalisan kajian berdasarkan korpus filem tergolong dalam Kajian Dalaman Tersirat Strata Pertama (Naim, 1995). Kajian Dalaman Tersirat Strata Pertama ialah kaedah yang melibatkan analisis terhadap paparan visual, verbal, isi naratif, sinematik dan dramatik bersama konteks zaman dan situasi yang mempengaruhi penerbit atau pengarahnya (Naim, 1995). Misalnya dalam kajian ini aspek linguistik iaitu penganalisan terhadap makna implisit dalam ujaran dan bantuan visual dalam filem yang mempunyai makna selain daripada makna tersurat menjadi perhatian untuk penyelidikan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 4.1 Ujaran Implisit dalam Filem Melayu Sri Mersing

Berdasarkan filem Melayu klasik Sri Mersing, terdapat ujaran implisit yang mengungkapkan makna yang terselindung namun masih dapat ditafsirkan dan difahami oleh pendengar. Berdasarkan dapatan kajian, terdapat sebanyak lima data yang dikenal pasti mempunyai ujaran yang mampu menggambarkan maksud implisit.

**Jadual 1.** Ujaran Implisit yang Terdapat dalam Filem Sri Mersing.

Bil.	Ujaran implisit
1	Jangan hidung tidak mancung pipi tersorong-sorong
2	Kalau kau sudi menjual, aku sedia membeli.
3	Kau nak mengotorkan bumi Mersing ya?
4	Kau nak menconteng arang di muka ibu bapa kau ya!
5	Kajang Pak Malau kajang berlipat, kajang saya mengkuang layu, dagang Pak Malau dagang bertempat, dagang saya musafir lalu.

Berdasarkan data tersebut, ujaran yang mempunyai makna implisit amat jelas ditonjolkan oleh dialog filem Melayu Sri Mersing. Ujaran tersirat yang dikesan adalah melalui lontaran ayat yang mempunyai makna bukan literal apabila penonton mendengar atau membacanya. Makna yang terselindung ini hanya dapat dikenal pasti makna sebenarnya apabila konteks dan kesan konteks yang relevans dengan ujaran dibekalkan dalam merungkai makna implisitnya. Hal ini seperti dijelaskan oleh Sperber dan Wilson (1986;

119), “*An assumption is relevant in a context if and only if it has some contextual effect in that context.*” Berdasarkan petikan tersebut, kajian akan menjelaskan makna ujaran implisit dengan mengaplikasikan Teori Relevans dengan menekankan tiga gagasan utama iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses.

## **4.2 Makna Ujaran Implisit dalam Filem Sri Mersing Menggunakan Teori Relevans**

### *4.2.1 Ujaran Implisit 1: Jangan hidung tidak mancung pipi tersorong-sorong*

Dalam filem Sri Mersing, ujaran ‘Jangan hidung tidak mancung pipi tersorong-sorong’ diujarkan oleh Sri Mersing kepada Tambak dalam satu babak iaitu ketika Sri Mersing dan rakan-rakannya sedang berhibur di tepi pantai sambil menyanyi. Dalam situasi tersebut, Sri Mersing telah memuji kelunakan suara Siti. Walau bagaimanapun Tambak yang telah terdengar nyanyian mereka tertarik dengan kemerduan suara Sri Mersing lantas memuji suara Sri Mersing yang lebih merdu berbanding Siti di hadapan rakan-rakan Sri Mersing. Hasilnya, Sri Mersing telah mengujarkan ayat ‘Jangan hidung tidak mancung pipi tersorong-sorong’ kepada Tambak. Rentetan ujaran tersebut, Tambak telah bertindak kasar terhadap Sri Mersing dan menimbulkan keadaan yang kecoh. Berdasarkan analisis Teori Relevans (Sperber & Wilson), elemen konteks iaitu seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar dapat dikesan dalam ujaran Sri Mersing kepada Tambak. Dalam hal ini, konteks yang dibina oleh Tambak ialah andaian bahawa Sri Mersing telah mengkritiknya dengan penggunaan peribahasa ‘Jangan hidung tidak mancung pipi tersorong-sorong’. Peribahasa berkenaan bermaksud suka ikut campur dalam urusan orang lain atau suka menonjol–nonjolkan diri (Abdullah Hussain, 1993). Situasi dan penggunaan peribahasa tersebut selaras dengan kenyataan atau pandangan Mohd. Ali Abdul Hamid (1986) mengenai peribahasa yang lahir dan dicetuskan akibat kejadian, pengalaman dan pengamatan masyarakat sejak zaman berzaman dan disebarkan dengan dituturkan dari mulut ke mulut dan daripada satu generasi ke generasi lain.

Dalam aspek kesan konteks pula, terdapat tiga cara yang boleh mengambil tempat ketika proses kesan konteks dalam perbualan berlangsung iaitu penggabungan, penguatan dan pengguguran (Nor Hashimah, 2007). Dalam situasi ujaran tersebut, kesan konteks penggabungan atau penguatan telah berlaku iaitu andaian awal Tambak yang berasa dirinya telah dikritik dan dimalukan melalui peribahasa ‘Jangan hidung tidak mancung pipi tersorong-sorong’ dikukuhkan atau digabungkan dengan maklumat baharu yang diberikan oleh Sri Mersing melalui ujaran “orang tak cakap dengan dia, dia nak cakap dengan orang, muka tak malu”. Selain itu, kesan konteks juga tergambar melalui reaksi Sri Mersing yang tidak senang dengan kehadiran Tambak kerana bagi Sri Mersing, Tambak sebagai kaum lelaki tidak seharusnya masuk campur dalam kumpulan wanita dan mengganggu komunikasi perbualan mereka. Walaupun niat Tambak hendak memuji Sri Mersing dilihat sebagai sesuatu yang baik, namun konteks yang tidak sesuai dan adap sopan ketika berkomunikasi yang dilanggari oleh Tambak membuatkan Sri Mersing mengungkap peribahasa sebagai ungkapan implisit untuk menzahirkan ketidakselesaiannya terhadap sikap Tambak.

Seterusnya, usaha memproses dalam menginterpretasikan ujaran ialah usaha memproses maklumat oleh pendengar. Mengikut Sperber dan Wilson (1986; 1995), semakin rendah sesuatu usaha memproses maklumat, semakin relevanlah sesuatu ujaran. Dalam analisis ujaran implisit ‘jangan hidung tidak mancung pipi tersorong-sorong’, ternyata memerlukan usaha memproses maklumat yang rendah kerana reaksi Tambak yang cepat bertindak balas terhadap ujaran Sri Mersing dengan perbuatan kasarnya mengeluarkan senjata ke arah Sri Mersing. Hal ini membuktikan bahawa pendengar iaitu Tambak memahami ujaran tersebut sebagai situasi yang ingin mengkritiknya. Reaksi kasar Tambak terhadap Sri Mersing merupakan manifestasi bahasa seorang wanita Melayu pada zaman itu. Hal ini selaras dengan kajian Saidatul Nornis (2007) yang menyatakan bahawa bahasa perempuan atau wanita sebagai bahasa yang tuna kuasa, yang lemah atau tidak berwibawa. Menurutnya lagi, wanita dikatakan sering menjadi serba salah kerana kalau berbahasa sopan dia akan dikatakan lemah, manakala kalau wanita berani berkata terus-terang dan langsung dikatakan kasar dan tidak feminin. Kesimpulannya, ujaran ‘Jangan hidung tidak mancung pipi tersorong-sorong’ adalah ujaran yang mempunyai kerelevanan yang tinggi kerana usaha memproses maklumat yang mudah difahami dan kaya maklumat konteks dan kesan konteks membantu dalam interpretasi makna dalam ujaran ‘jangan hidung tidak mancung pipi tersorong-sorong’.



#### 4.2.2 *Ujaran Implisit 2: Kalau kau sudi menjual, aku sedia membeli*

Ujaran implisit “Kalau kau sudi menjual, aku sedia membeli” dilontarkan oleh Damak kepada Awang Sulong dalam suatu situasi perbalahan yang berlaku antara mereka. Ujaran tersebut membawa dua makna iaitu aktiviti jual beli yang sedang berlaku antara peniaga dan pembeli dan kedua menggambarkan keberanian dan kesediaan seseorang untuk menerima ajakan atau hasrat seseorang. Dalam aspek pertama, perkataan menjual dan membeli merupakan kata-kata umum didengar di kawasan membeli belah atau tempat perniagaan. Aktiviti perniagaan dalam kalangan masyarakat Melayu juga ada kalanya menggunakan akad dalam jual beli barangan iaitu melibatkan pertuturan “saya jual” oleh peniaga dan “saya beli” oleh pembeli. Sekiranya penonton atau pendengar tidak melihat atau memahami konteks keadaan filem tersebut kemungkinan mereka hanya menggambarkan kata-kata tersebut digunakan untuk konteks perniagaan.

Dalam konteks filem ini, makna ungkapan implisit ini menggambarkan keberanian dan kesediaan seseorang untuk menerima ajakan atau hasrat seseorang. Hal ini diujarkan oleh Damak kepada Awang Sulong kerana Awang Sulong yang tidak berpuas hati dengan perbuatan Damak yang dikatakan menunjukkan kehebatannya berlawan di depan Sri Mersing. Oleh itu, melalui Teori Relevans, konteks pemula yang dikenal pasti dan dikembangkan ialah melalui rujukan catatan ensiklopedia bagi perkataan-perkataan ‘menjual’ dan ‘membeli’. Perkataan ‘menjual’ merujuk kepada ajakan untuk berlawan, manakala ‘membeli’ ialah menerima ajakan tersebut yang diujarkan oleh Damak kepada Awang Sulong.

Rentetan daripada maklumat konteks itu, kesan konteks tersebut berjaya diproses dengan diperkuatkan atau disahkan dengan maklumat baharu. Hal ini terbukti berdasarkan pergaduhan yang berlaku akibat perasaan yang tercabar oleh Awang Sulong. Dalam aspek ini, perasaan tercabar merupakan fenomena semula jadi seorang lelaki bagi menunjukkan sifat kelelakian seperti yang dinyatakan oleh Saidatul Nornis (2007) iaitu salah satu syarat untuk menentukan sifat kelelakian ialah dengan aura berani serta bersifat agresif dan bersedia menyahut cabaran apabila dicabar. Oleh itu, kesan konteks yang relevan daripada andaian ini berguna dalam membantu penginterpretasian makna implisit. Kesimpulannya, ujaran “Kalau kau sudi menjual, aku sedia membeli” merupakan ujaran yang relevan kerana makna implisitnya dapat difahami dengan konteks, kesan konteks dan usaha memproses yang tidak sukar diproses membawa makna kesediaan seseorang untuk menerima ajakan atau hasrat seseorang berbanding makna membeli dan menjual sesuatu barang.

#### 4.2.3 *Ujaran Implisit 3: Kau nak mengotorkan bumi Mersing ya!*

Selanjutnya, ujaran implisit ketiga iaitu “Kau nak mengotorkan bumi Mersing ya?” merupakan ujaran yang dilontarkan oleh Pak Malau kepada Damak. Ujaran tersebut terdiri perkataan ‘mengotorkan’ yang merupakan imbuhan daripada kata dasar kotor. Kotor dapat didefinisikan sebagai tidak bersih, tidak jernih, dan cemar. Manakala ‘mengotorkan’ bermaksud menyebabkan menjadi kotor (tidak bersih), membuat menjadi kotor. Selain itu, ia juga diertikan mencemarkan (nama baik), menodai, memburukkan (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Dalam konteks ini, terdapat dua gambaran yang dapat dibuat iaitu yang pertama ialah mengotorkan bumi Mersing dengan sampah sarap dan kedua ialah mencemarkan nama tempat yang bernama Mersing. Konteks kedua adalah lebih tepat dengan konteks filem tersebut iaitu ujaran tersebut lebih merujuk tuduhan Pak Malau kepada Damak untuk mencemarkan nama baik Mersing dengan tingkah laku yang tidak menepati budaya. Sehubungan itu, konteks yang diproses dengan merujuk situasi sekeliling iaitu Pak Malau memarahi dan menuduh Damak yang ingin mencemarkan nama baik tempat atau daerah mereka lebih berkesan dengan situasi tersebut. Hal ini selaras dengan kejadian penculikan Sri Mersing oleh Awang Sulong. Walau bagaimanapun, Sri Mersing yang berjaya diselamatkan oleh Damak telah difitnah dan dituduh pula sebagai penculik dengan motif untuk mengahwini Sri Mersing. Babak berkenaan mengukuhkan kesan konteks yang berlaku ketika itu iaitu andaian awal yang sedia ada dalam catatan ensiklopedia penonton bahawa ujaran implisit “Kau nak mengotorkan bumi Mersing ya?” sebagai pertuduhan Pak Malau kepada Damak untuk mencemarkan nama baik Mersing.

Berikutnya, usaha memproses juga menjadi semakin mudah apabila budaya masyarakat Melayu memahami proses ujaran tersebut lebih kepada lontaran perasaan marah terhadap sebarang tindakan yang menyalahi peraturan atau budaya sesebuah masyarakat. Ujaran ‘Kau nak mengotorkan bumi Mersing ya’ adalah relevan untuk konteks situasi yang menonjolkan makna mencemarkan nama baik tempat tersebut dengan tingkah laku yang bertentangan dengan adat budaya masyarakat. Oleh itu, ternyatalah maklumat konteks yang banyak mempengaruhi usaha memproses yang rendah sekaligus menjadikan sesuatu ujaran yang bersifat implisit itu sangat relevan.

#### 4.2.4 *Ujaran Implisit 4: Kau nak menconteng arang di muka ibu bapa kau ya!*

Perbincangan diteruskan lagi dengan meneroka ujaran ‘Kau nak menyonteng arang di muka ibu bapa kau ya!’. Ujaran ini dilafazkan oleh Pak Malau kepada Sri Mersing akibat tindakan Sri Mersing yang berjumpa Damak secara rahsia. Terdapat dua aspek yang dapat dibahasakan melalui ayat ini iaitu yang pertama ialah menconteng atau mencomot muka ibu bapa dengan arang dan kedua iaitu menconteng arang di muka bermaksud melakukan sesuatu perbuatan buruk yang boleh memberikan aib atau mencemarkan nama baik ibu bapa atau keluarga.

Dalam konteks filem ini, makna tersirat iaitu memberikan aib atau mencemarkan nama baik ibu bapa atau keluarga lebih relevan dengan konteks dan kesan konteks ketika itu. Perkataan atau frasa ‘conteng’, ‘arang’ dan ‘muka’ difokuskan serta sudut pandangan budaya Melayu untuk menghuraikan dan membincangkan data ini. Konteks daripada elemen bahan yang dijadikan simbol iaitu arang diaplikasikan sebagai maklumat tentang pemikiran atau falsafah dalam budaya Melayu. Dalam aspek ini, arang merupakan sisa pembakaran yang berwarna hitam, sekiranya diconteng ke muka, wajah akan kelihatan kotor dan memalukan. Oleh itu, perbandingan ini samalah seperti perbuatan buruk yang dapat menimbulkan aib dan mencemarkan nama baik ibu bapa. Peribahasa yang mengaplikasikan elemen arang dan muka untuk menggambarkan situasi malu atau aib turut terdapat dalam beberapa peribahasa seperti “Jika tiada tersapu arang di muka, daripada hidup baiklah mati. Peribahasa ini bermaksud lebih baik mati daripada hidup menanggung malu. Selain itu, terdapat juga peribahasa “Membasuhkan arang yang terconteng di muka” yang bermaksud menghilangkan aib atau malu.

Berdasarkan maklumat konteks yang dibekalkan, kesan konteks berjaya diproses dengan penggabungan dan penguatan maklumat daripada pengetahuan mengenai budaya dan falsafah hidup masyarakat Melayu. Dalam masyarakat Melayu, perbuatan yang bertentangan dengan adat, budaya dan peraturan dalam masyarakat seperti keluar rumah tanpa izin ibu bapa dan mengadakan perjumpaan dengan bukan mahram merupakan perkara yang mampu mengaibkan keluarga dan akan mencemarkan nama baik ibu bapa. Rentetan itu, menconteng arang merujuk kepada mencemarkan nama baik ibu bapa lebih sesuai untuk menggambarkan makna implisit ujaran ‘Kau nak menconteng arang di muka ibu bapa kau ya!’. Hal ini turut menjelaskan ujaran implisit tersebut mengandungi usaha memproses maklumat yang rendah dan kerelevanan yang tinggi.

#### 4.2.5 *Ujaran Implisit 5: Kajang Pak Malau kajang berlipat, kajang saya mengkuang layu, dagang Pak Malau dagang bertempat, dagang saya musafir lalu*

Ungkapan dalam data terakhir ini merupakan ungkapan yang menjadikan filem Sri Mersing terkenal dan masih dikenang sehingga kini. Ungkapan ini merupakan pantun empat baris yang ringkas namun mempunyai makna yang amat mendalam iaitu “Kajang Pak Malau kajang berlipat, kajang saya mengkuang layu dagang Pak Malau dagang bertempat, dagang saya musafir lalu”. Perkataan kajang dan mengkuang ialah maklumat konteks yang merupakan simbol rujukan terhadap alam sekitar. Dalam aspek ini, kajang bermaksud benda yang dianyam daripada daun nipah, manakala mengkuang ialah sejenis tumbuhan yang pokok daunnya boleh dibuat tikar (Kamus Dewan Edisi Keempat). Selain itu, perkataan kajang juga merujuk kepada atap yang digunakan oleh masyarakat Melayu dahulu. Hal ini seperti yang diterangkan oleh Sapinah (2013) iaitu, “Kajang ialah benda yang dianyam seperti mengkuang atau nipah untuk dijadikan atap sebagai peneduh”.

Berdasarkan analisis makna implisit, maklumat konteks pantun tersebut bermaksud atap rumah Pak Malau atapnya berlipat elok dan daripada bahan yang berkualiti, manakala atap rumah Damak dibuat menggunakan mengkuang yang sudah layu berkemungkinan atapnya tidak tahan lama berbanding Pak Malau. Walaubagaimanapun, makna implisit dalam filem tersebut ialah bukan sekadar penerangan mengenai aspek fizikal keadaan atap rumah Pak Malau dan Damak semata-mata, tetapi mencerminkan maksud bahawa Pak Malau dari tempat atau golongan yang elok, baik dan berharta sedangkan Damak digambarkan dari tempat dan golongan yang serba kedaifan dan kekurangan. Dalam erti kata yang lain, Damak merendah-rendahkan martabatnya sebagai seorang perantau dan meninggikan Pak Malau sebagai orang yang berkedudukan di Mersing.

Hal ini jelas ditonjolkan melalui kesan konteks yang mengukuhkan ujaran tersebut iaitu melalui lisan dan tindakan Damak. Berdasarkan kata-kata yang tajam oleh Damak iaitu “saya sudah merasai bagaimana pahitnya hidup di tempat orang” menunjukkan kesedihan dan kekesalan Damak terhadap Pak Malau yang baru menyedari dia adalah anak muda yang jujur setelah pelbagai tomatan dan cacian serta fitnah dilemparkan kepada Damak dan keluarganya. Tambahan, tindakan Damak yang segera meninggalkan perbualan tersebut membuktikan perasaannya sudah tidak dapat dipujuk lagi. Pada akhir jalan cerita filem tersebut, Damak tetap dengan keputusannya meninggalkan Mersing walaupun telah dipujuk beberapa kali oleh Pak Malau dan ahli keluarganya.

Usaha memproses dalam ujaran ini memperlihatkan usaha yang sedikit sukar berbanding ujaran-ujaran sebelum ini. Hal ini kerana, terdapat pendengar atau penonton yang memerlukan sedikit maklumat tambahan untuk memproses konteks dan kesan konteks. Hal ini berikutan penggunaan perkataan seperti ‘kajang’ yang memerlukan pengetahuan terhadap makna istilah itu disamping susunan pantun tersebut yang cukup berkias yang memerlukan masa untuk seseorang berfikir akan maksud yang lebih tepat dengan konteks dan situasi ketika itu. Sehubungan itu, usaha memproses yang berlaku dalam ujaran ini memerlukan usaha yang tinggi sekaligus kerelevanan ujaran juga minimum bagi pendengar atau penonton yang tidak mahir atau cekap dalam penguasaan makna dan istilah bahasa Melayu terutamanya dalam bahasa kiasan seperti pantun, peribahasa dan perumpamaan tertentu.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, interpretasi makna yang melibatkan bidang pragmatik terhadap ujaran implisit dalam filem Melayu klasik mampu memudahkan tafsiran makna. Makna implisit menerusi ujaran yang mengandungi peribahasa dan pantun dalam kajian ini menjelaskan kepentingan interpretasi makna yang mendalam bagi memastikan makna yang kabur dapat dielakkan. Hal ini kerana makna sesuatu kata-kata yang terbit daripada ujaran seseorang bukan hanya semata-mata bergantung kepada makna tersurat yang boleh ditafsir secara tafsiran selapis sahaja, tetapi perlu ditafsir dengan lebih mendalam makna implisitnya. Kelima-lima ujaran implisit ini bukan sahaja indikator manifestasi kehebatan penggunaan bahasa Melayu dalam membicarakan sesuatu secara berlapis dan berlapis, malah makna implisit dalam karya seni filem Melayu klasik dapat didedahkan kepada masyarakat.

Di samping itu, kajian terhadap penggunaan bahasa tersirat ini membuktikan bahawa karya filem Melayu klasik membawa mesej dan pengajaran tertentu. Filem Sri Mersing jelas sekali membawa mesej bahawa pangkat dan darjat seseorang tidak menjamin perilaku atau akhlak yang baik dan terdapat manusia yang dikaburi harta dan kedudukan sehingga sanggup menghina golongan yang rendah. Sungguhpun begitu, filem Sri Mersing juga ingin menyampaikan kepada masyarakat bahawa masyarakat Melayu menekankan aspek sopan santun, kekitaan, dan ketersiratan dalam menyampaikan mesej. Hal ini dibuktikan melalui watak Damak yang masih menghormati Pak Malau melalui ujarannya yang mengandungi bahasa yang berlapis dan makna yang implisit. Sikap berlembut tetapi tegas yang ditunjukkan oleh Damak menjadi contoh yang baik terhadap generasi kini yang makin menipis keupayaannya menggunakan bahasa secara bersopan santun. Hal ini selaras dengan peranan filem sebagai pemuliharaan warisan terpinggir dengan membentuk daya fikir masyarakat agar masyarakat menghayati dan mengingati budaya bangsa (Mohd. Fadzil, Badrul Redzuan dan Roslina, 2016). Selain itu, pengajaran yang diperoleh bukan sahaja penting dalam mendedahkan wujudnya ketersiratan makna dalam filem,

malah menyedarkan masyarakat untuk menghargai dan mengangkat martabat bahasa Melayu yang terpancar dalam filem Melayu klasik.

## RUJUKAN

- Abdullah Hussain (penyusun). (1993). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alo Liliweri. (2002). *Makna Budaya Dalam Komunikasi Antarbudaya*. Yogyakarta: LKiS Yogyakarta.
- Amirah Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013, Jun). Implikatur dalam Kes “Pembunuhan Noritta”: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 13(1).
- Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyung. (1996). *Pola Pengamalan Profesionalisme dalam Industri Filem Malaysia*. Ulu Kelang: FINAS.
- Crystal, D. (1985). *A Dictionary of Linguistics and Phonetics* (2nd Ed.). Oxford: Blackwell.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.wong
- Sri Mersing Ada Sedih Dalam Tawa: Teater Diadaptasi Daripada Filem Singkap Falsafah dan Jati Diri Melayu. (2010, 18 March). *Berita Harian Online*. Dipetik melalui <http://www2.bharian.com.my/articles/SriMersingadasedihdalamtawa/Article/print.html>.
- I Nyoman Aditya Darma. (2014). An Analysis of Subtitling Strategies in The Magic of Belle Isle Movie. *Humanis*, 17(1).
- Hatta Azad Khan. (2002). Peranan Drama dan Filem Dalam Pembinaan Bahasa Melayu. *Prosiding Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Indirawati Zahid. (2012). Kesantunan Melayu Kearah Situasi Bebas Konflik. Dlm Marlyna Maros, Mohd. Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof (Penyunting). *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*, 170-189. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Metra Syaril Mohamed. (2010, March 18). *Nostalgia Sri Mersing*. Utusan Online. Melalui <http://ww1.utusan.com.my>.
- Mohd. Ali Abdul Hamid (1986). *Kamus Peribahasa*. Kuala Lumpur: ‘K’ Publishing & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Fadzil Razali, Badrul Redzuan Abu Hassan & Roslina Abdul Latif. (2016). Pemuliharaan Warisan Terpinggir : Menanggap Peranan Medium Sinema. *Jurnal Komunikasi*, 32(1), 651–668.
- Mohd. Zamzuri Mat Sepap & Jessica Ong Hai Liaw. (2011). Filem Melayu Mencermin Akal Fikir Bangsa Melayu. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII*. Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.
- Mustafa Atan. (2010). *Implikatur dalam Filem P. Ramlee*. Tesis Ph.D, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Naim Haji Ahmad. (1995). *Filem Sebagai Alat dan Bahan Kajian*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rozmi Ismail. (2016). *Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2007). *Unsur Bahasa dalam Budaya*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Sapinah Haji Said. (2013). *Kamus Peribahasa Melayu*. Johor Bahru: Pelangi Publication Sdn Bhd.
- Sperber, D. & Wilson. (1986). *Relevance Theory: Communication & Cognition*. Oxford: Basil Balckwell.
- Syed Nurulakla B. Syed Abdullah. (2015). *Analisis Makna Implisit dan Eksplisit dalam Penterjemahan Buku ‘Rihlah Ibn Battutah’ ke dalam Bahasa Melayu*. Tesis Ph.D, Universiti Malaya, Malaysia.
- Wong Shia Ho. (2013). Keharmonian Kaum dalam Ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, 11, 1-20.
- Wong Shia Ho. (2014). Ungkapan Implisit dalam Berita Bola Sepak Piala Dunia 2014: Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 14(2).
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). *Memahami Pertuturan Kanak-Kanak Melalui Analisis Pragmatik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia